

10 MAY 1996

Mahathir-Projek

PROJEK BANGUNAN PENCAKAR LANGIT DI PUSAT KL DITANGGUH

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelaksanaan projek pembinaan bangunan pencakar langit yang baru di pusat bandar raya Kuala Lumpur ditangguh buat sementara waktu bagi menangani masalah lalu lintas di ibu kota.

Perdana Menteri hari ini berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), baru-baru ini, membuat keputusan untuk tidak meluluskan cadangan pembinaan projek-projek baru. Ia melibatkan projek-projek bangunan di bawah 20 tingkat.

" Kita ingin melihat kesan perkhidmatan sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan keretapi komuter terlebih dahulu dalam mengatasi masalah lalu lintas di bandar raya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Yayasan Wangsa Maju di sini.

Dr Mahathir berkata keputusan itu melibatkan banyak cadangan projek baru tetapi ia tidak menjejaskan projek-projek yang telah diluluskan.

Perdana Menteri berkata dengan penangguhan itu, beberapa kawasan pertumbuhan baru seperti Wangsa Maju dan Bandar Utama Damansara akan digalakkan untuk dibangunkan dengan projek-projek bangunan pencakar langit.

Dr Mahathir berkata kerajaan berpendapat pertambahan bangunan pencakar langit pada masa ini akan menambahkan kesesakan lalu lintas kerana lebih banyak orang akan memasuki pusat bandaraya dengan adanya lebih banyak ruang pejabat di bangunan-bangunan baru itu.

Dalam usaha mengurangkan kesesakan itu kerajaan sedang mengkaji untuk menghadkan jumlah kenderaan yang memasuki pusat bandaraya dan bercadang mengenakan bayaran bagi kenderaan yang cuma ada satu atau dua penumpang.

Sistem dasar kawasan bayaran itu mungkin terpaksa diperkenalkan kerana kempen meminta orang ramai berkongsi kenderaan untuk ke tempat kerja tidak mendapat sambutan.

"Kita akan kenakan caj, kalau masih banyak kenderaan yang masuk, kita akan naikan caj," kata Perdana Menteri.

Pada masa yang sama, beliau berkata kerajaan akan memerhatikan kelancaran sistem pengangkutan awam dalam bandaraya termasuk perkhidmatan LRT, kereta api komuter, bas dan teksi.

"Kita nak tengok kesan daripada adanya LRT. Kita dapati orang ramai masih kurang menggunakan perkhidmatan kereta api komuter dan kereta api pula tidak begitu kerap.

"Kita mahu pergerakan LRT dan kereta api komuter lebih kerap, mungkin setiap 15 minit satu supaya orang tahu bila dia pergi ke stesen kereta api atau LRT, dia tidak perlu tunggu lama," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mencadangkan supaya stesen-stesen LRT dan kereta api komuter di pinggir bandaraya disediakan kemudahan tempat letak kereta dan perkhidmatan bas ulang-alik untuk mengurangkan jumlah kenderaan yang memasuki bandaraya.

Pelaksanaan cadangan itu sedang diuruskan, katanya. -- BERNAMA

AFY MAM NAK